



17 Mac 2022
17 March 2022
P.U. (A) 64

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI KASTAM (BARANG-BARANG DI BAWAH
PERJANJIAN PERKONGSIAN EKONOMI KOMPREHENSIF
SERANTAU) 2022

*CUSTOMS DUTIES (GOODS UNDER THE REGIONAL
COMPREHENSIVE ECONOMIC PARTNERSHIP
AGREEMENT) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH DUTI KASTAM (BARANG-BARANG DI BAWAH PERJANJIAN PERKONGSIAN
EKONOMI KOMPREHENSIF SERANTAU) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1)
Akta Kastam 1967 [*Akta 235*], Menteri membuat perintah berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Kastam
(Barang-Barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif
Serantau) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2022.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Negara-Negara Anggota ASEAN” ertinya Brunei Darussalam,
Negara Cambodia, Republik Indonesia, Republik Rakyat Demokratik Lao, Malaysia,
Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Negara Thailand dan
Republik Sosialis Viet Nam;

“Negara-negara Rakan FTA ASEAN” ertinya Australia, China, Jepun, New Zealand
dan Republik Korea;

“Perjanjian” ertinya Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau;

“RCEP” ertinya Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau;

Duti Import

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan Jadual Pertama, duti import hendaklah dilevi ke atas, dan dibayar oleh pengimport berkenaan dengan, barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, yang berasal dari Negara-Negara Anggota ASEAN atau negara-negara Rakan FTA ASEAN, mengikut kadar duti import yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua, yang diimport ke dalam Malaysia.

(2) Jika suatu kadar duti import dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua berkenaan dengan jenis barang-barang tertentu, maka kadar itu hendaklah dilevi ke atas dan hendaklah dibayar oleh pengimport sebagai ganti duti import penuh yang sepadan yang dikenakan di bawah Perintah Duti Kastam 2017 [*P.U. (A) 5/2017*] hanya berkenaan dengan barang-barang dari jenis yang dibuktikan hingga memuaskan hati Ketua Pengarah sebagai telah berasal dari Negara-Negara Anggota ASEAN atau negara-negara Rakan FTA ASEAN.

(3) Dalam hal barang-barang yang tertakluk kepada duti import yang diimport pada atau dengan mana-mana orang yang memasuki Malaysia atau dalam bagasi orang itu dan dimaksudkan untuk kegunaan bukan komersial (kecuali kenderaan bermotor, minuman beralkohol, spirit, tembakau dan rokok) duti kastam pada kadar sama rata sepuluh peratus *ad valorem* hendaklah dilevi ke atas, dan dibayar oleh pengimport itu berkenaan dengan, barang-barang itu.

(4) Dalam hal barang-barang yang tertakluk kepada kadar duti import “U” dalam ruang (4) Jadual Kedua kepada Perintah ini, duti import hendaklah dilevi ke atas barang-barang itu mengikut kadar penuh yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 2017.

(5) Dalam hal barang-barang yang tertakluk kepada kadar tarif kuota sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua, duti import hendaklah dilevi terhadap barang-barang itu pada kadar yang dinyatakan dalam ruang (4) Appendix “B”, tertakluk kepada kuota yang ditetapkan oleh agensi yang dinyatakan dalam ruang (5) Appendix “B”.

Tafsiran kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua

4. Melainkan jika dinyatakan selainnya, kadar yang dilevi di bawah subperenggan 3(1) hendaklah mengikut kiraan peratusan nilai barang-barang.

Singkatan dan simbol

5. Singkatan dan simbol yang digunakan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Rukun Tafsiran Jadual

6. Tafsiran Jadual kepada Perintah ini hendaklah mematuhi rukun bagi tafsiran Jadual Pertama kepada Perintah Duti Kastam 2017.

CUSTOMS ACT 1967

CUSTOMS DUTIES (GOODS UNDER THE REGIONAL COMPREHENSIVE ECONOMIC
PARTNERSHIP AGREEMENT) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(1) of the Customs Act 1967 [Act 235], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Customs Duties (Goods under the Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation on 18 March 2022.

Interpretation

2. In this Order—

“ASEAN Member States” means Brunei Darussalam, the Kingdom of Cambodia, the Republic of Indonesia, the Lao People’s Democratic Republic, Malaysia, the Union of Myanmar, the Republic of Philippines, the Republic of Singapore, the Kingdom of Thailand and the Socialist Republic of Viet Nam;

“ASEAN FTA Partners” means Australia, China, Japan, New Zealand and Republic of Korea;

“Agreement” means Regional Comprehensive Economic Partnership Agreement;

“RCEP” means Regional Comprehensive Economic Partnership;

Import Duty

3. (1) Subject to the provisions of the First Schedule, import duty shall be levied on, and paid by the importer in respect of, goods specified in the Second Schedule, originating from ASEAN Member States or ASEAN FTA Partners, at the rate of import duty specified in column (4) of the Second Schedule, imported into Malaysia.